

AZIZ ISHAK MENJAWAB

Berita Harian, 11 February 1963, Page 1

 Article also available on Microfilm Reel NL3200

AZIZ ISHAK MENJAWAB

Tengku serah balek lesen2

padi kpd orang tengah:

Tan anti sharikat k-sama

K. LUMPUR, Ahad

**K U A L A L U M -
P U R, A h a d —**

**Bekas Menteri Per-
tanian dan Shari-
kat Kerjasama, In-
che Abdul Aziz bin
Ishak, hari ini
menduduh Tengku
Abdul Rahman dan
Menteri Kewa-
ngan, Tuan Tan
Siew Sin menchu-
ba memburukkan
nama-nya ketika
menjawab tudu-
han2 yang di-ha-
dapkan oleh-nya.**

**Dalam satu sidang
akhbar di-sini pada
27 Januari yang lalu,
Inche Aziz telah me-
nyebutkan bahawa
di-antara sebab2 be-
liau keluar daripada
Kabinet ia-lah seng-
keta-nya dengan
Tuan Tan pertan-**

**Sungguh dengan
dasar Kerajaan me-
ngenal pemberonta-
kan Brunai dan per-
soalan Indonesia dan
keyakinan-nya ba-
hawa Kerajaan telah
berdusta mengenai
dasar2 ekonomi, po-
litik dan kemashara-
katan-nya.**

'Dengu'

Tengku dalam satu si-
dang akhbar pada esok-
nya untuk menjawab tu-
dohan? Inche Azis itu
bila di-tanya sama ada
bekas Menteri itu akan
di-beri tanah yang di-
minta-nya untuk meme-
lihara itek, menjawab:

"Apa salah menolong-
nya. Dia sa-benar-nya

dengu pengikut2-
nya nanti chuma itek sa-
haja."

Hari ini dalam jawapan-nya kepada tuduhan2 Tengku dan Tuan Tan itu, Inche Aziz menekankan perkara sebagai berikut:-

● Tengku telah memberikan chorak perkuaman kepada kechaman-nya terhadap dasar2 dan sikap Tuan Tan;

● Perselisihan faham-nya dengan Tuan Tan bermula semenjak bulan November tahun 1950;

● Kanyataan mengenai kerugian yang di-taka-hkan berjumlah berjuta2 ringgit dalam sharikat2 kerjasama itu merupakan

tudohan yang smat tidak adil dari Tengku;

● Hari yang paling sedih sa-kali untuk gerak-kan sharikat kerjasama dan ra'ayat luar bandar

lah bila Tengku me-
merintahkan Kerajaan
Negeri Perak supaya
memberikan lesen2 ka-
pada orang2 tengah un-
tuk menjalankan pernia-
gaan padi.

● Kesukaran menda-
patkan izin Tuan Tan
melepaskan peruntukan
wang yang di-luluskan
oleh Parlemen untuk
sharikat2 kerjasama:

● Satu zaman baharu
dalam kemajuan perusa-
haan negeri ini akan
menjelang manakala ki-
lang baja urea kelak ter-
bentok.

Inche Aziz berkata Tengku
telah memutar balekkan ke-
percayaannya terhadap dasar2
dan sikap Tuan Tan sa-
bagai keamanan yang ber-
chorak perkauman.

Tetapi soal2 kebangsaan
yang pokok tidak boleh di-
perkecil hanya dengan ba-
haya sahaja, kata Inche Adiz.

Saya tidak menentang
orang2 China atau sa-barang
kaum dalam negeri ini.

Tetapi seperti yang selalu
terjadi di-situ, momok per-
kauman telah di-pergunakan
untuk melindungi soal2 yang
pokok.

Pandangan

NLB

"Apa yang kita tentang ialah sikap dan pandangan Menteri Kewangan terhadap rayat luar bandar dan usaha2nya untuk mengekalkan keadaan rayat luar bandar di bawah kekuasaan orang2 tengah dan kaum modal. juga pertentangan Menteri Kewangan itu kepada sistem gerakan sharikat kerjasama

"Orang2 China dan India juga mendapat faedah dari pada rancangan2 sharikat kerjasama. Chontoh yang baik sekali ialah kilang2 padi yang di-talankan sa-chara gerakan kerjasama di-Tanjong Karang yang mendapat milik orang2 China dan India

Tamabah pula, orang2 China dan India mendapat keuntungan dari hak monopoli yang di-berikan kepada sharikat2 kerjasama itu untuk membeli padi di-Tanjong Karang dimana mereka se-karang berkhongsi dengan orang2 Melayu untuk mendirikan sa-buah kilang padi yang lebih besar

Lagi pula orang2 Melayu dan China ada menjalankan sa-buah kilang padi kerjasama di-Melaka sa-chara ber-kongsi

Sa-lain dari itu tidak-lah adil sekali untuk Perdana Menteri membuat

NLB

...tuduhan Menteri
terugian beratus2 ringgit da-
lam serikat2 kerjasama.
-Terutama sekali tidak adil
ia-lah tuduhan-nya tentang
kehilangan \$1.2 juta kerana
terugian ini ada-lah pusaka
dari bekas kerajaan penjaja-

han dahulu, dan menjadi tanggung jawab sa-orang pegawai bangsa Eropah dalam tahun 1951

"Pegawai ini telah berhenti dua tahun sa-belum saya mengambil alih Kementerian itu.

"Dia-lah orang yang menjadi pemimpin dalam Sharikat Borong Kerjasama Malaya. Parlemen mengetahui hal ini dengan sa-penoh-nya.

"Kalau Perdana Menteri bermaksud bahawa kerugian yang di-sebut-nya itu ia-lah kira-kira dari sharikat yang belum di-jelaskan maka dia patut tahu bahawa kira-kira yang belum jelas itu bukan kerugian tetapi wang yang belum di-bayar balek.

Pemerasan

"Bertahun-tahun lama-nya penanam padi Krian telah menderita pemerasan orang-tengah dan kerana itu perlu untuk melancharkan satu ranchangan pasaran kerjasama padi.

"Kita hanya dapat memahamkan nasib penanam padi itu sa-penoh-nya manakala kita tahu hal mereka sa-lengkap-nya.

"Penghasilan padi di-Krian ia-lah lebeh kurang 600,000 pikul sa-tahun; sa-kurang-nya itu-lah angka untuk ta-

hun 1961.

"Jumlah padi ini di-beli oleh kira2 150 orang tengah daripada penanam2 padi dan di-jual kepada pengilang2 padi private.

"Walau pun Kerajaan men-jamin harga untok padi ia-lah \$15 sa-pikul tetapi apa yang di-bayar oleh orang tengah itu tidak pernah lebeh daripada \$10 atau \$11 tiap2 pikul, kadang2 lebeh rendah dari pada \$10.

Dengan hal demikian, pe-nanam2 padi itu rugi pada tiap2 kali mereka menuai, sa-banyak lebeh \$2 juta.

"Ada juga chara2 lain ma-ka penanam2 padi itu kena peras.

Bersetuju

'Sa-lama dua tahun Kemen-terian saya bekerja bersama2 dengan Kerajaan Negeri Perak untok mengadakan sa-tu rancangan pasaran padi sa-chara sharikat kerjasama dan akhir-nya pada hujung tahun 1961, Kerajaan Negeri bersetuju membenarkan shari-kat2 kerjasama di-Krian mendapat hak2 membeli padi daripada penanam2 padi dan menjual padi itu kepada pengilang2 padi private.

"Kementerian saya dan Ke-rajaan Perak harus meniaga

kepentingan dan kebajikan 17.000 orang penanam padi dalam daerah itu, kepentingan anak dan isteri mereka.

"Kemudian-nya saya telah di-minta oleh Menteri Keuangan supaya membatalkan ranchangan2 itu dan memberikan balik lesen2 itu kepada orang2 tengah.

"Saya tidak mahu beralah. Saya tidak mahu mengorban-

kan kepentingan 17,000 orang penanam padi untuk faedah 150 orang tengah.

"Ini-lah satu sengketa yang pedeh sekali antara saya dengan Menteri Kewangan.

"Kementerian saya terus mengator ranchangan pasaran padi sa-chara sharikat kerjasama itu untuk daerah Krian.

"Perdana Menteri menjumpai saya sa-belum saya pergi ka-Kaherah dalam tahun 1961 dan memberitahu saya supaya menimbangkan sa-mula chadangan saya itu.

"Tetapi ranchangan itu dilancharkan juga walau pun orang2 tengah itu telah pun mendapat galakan dan semangat supaya jangan mengindahkan lesen2 yang diberi kepada sharikat2 kerjasama itu.

"Harga padi bertambah tinggi, malah lebeh tinggi daripada harga yang dijamin oleh Kerajaan dan pada \$17.40 sa-pikul.

"Penanam2 padi itu mendapat faedah dari ranchangan baharu . itu dan daripada 600,000 pikul, sharikat2 kerjasama itu menjual lebeh dari 350,000 pikul.

"Tetapi cherita itu tidak habis di-situ sahaja. Segala usaha telah di-buat untuk menghanchorkan ranchangan

itu.

Ranchangan

"Bila saya pulang daripada Kaherah dalam bulan April 1962, saya sedar bahawa Perdana Menteri hendak cham-por tangan dalam ranchangan itu dan kerana itu saya menulis surat kepada-nya merayu supaya dia menimbangkan sa-mula keputusan-nya hendak menyerahkan balik lesen2 itu kepada orang2 tengah.

"Rayuan saya di-tolak dan lesen2 itu pun di-pulangkan kepada orang2 tengah.

"Perdana Menteri mengarahkan Kerajaan Negeri supaya lesen2 orang tengah itu di-pulangkan untuk mereka meneruskan sa-mula perniagaan mereka.

"Itu-lah hari yang paling sedeh untuk gerakan kerjasama dan ra'ayat luar bandar.

"Ketika itu jelas-lah pada saya bahawa dasar2 Kerajaan tidak akan menguntungkan ra'ayat terutama sekali ra'ayat di-daerah2 luar bandar.

"Tidak lama daripada itu, Kerajaan Pulau Pinang juga menarek balik lesen2 daripada syarikat2 kerjasama dan menyerahkan balik lesen2 itu kepada orang2 tengah.

"Kerajaan Perlis yang ber-setuju memberikan lesen ka-

pada syarikat2 kerjasama juga tidak mahu berbuat demikian setelah Perdana Menteri champor tangan di-Krian.

"Amat-lah sayang sekali bahawa Perdana Menteri dan Menteri Kewangan telah memutarbelikkan keadaan sebenar-nys dan telah menyala-

hkan saya komen tidak betul mengenai rancangan2 pasaran padi itu."

Menjawab tuduhan Tuan Tan bahawa dia telah salah menggunakan \$50,000 dari wang pasaran padi untuk membeli se-buah set gajah Inche Ais berikut:

"Wang \$50,000 dari peruntukan pasaran padi itu telah di-gunakan oleh se-orang pegawai Jabatan Syarikat Kerjasama untuk menjelakan 'overdraft' bank yang di-jamin oleh Kerajaan.

"Overdraft bank yang asal itu di-gunakan oleh Kementerian untuk membeli Bertam Estet di-Seberang Prai bagi pihak syarikat2 kerjasama setelah tuan punya estet itu hendak membolehkan estet

itu dan menjualkan-nya.

"Kalau tuan punya estet itu menjalankan maksud-nya maka 1,500 orang Melayu dan China akan terpaksa meninggalkan kebun mereka dan keluar dari estet itu.

"Untuk menolong mereka, estet itu telah di-beli dan sekarang menjadi hak ra'ayat. Tidak ada se-suatunya kealahan, saya rasa, untuk kita berbuat demikian."

Inche Aziz kemudian men-

Jawab kehormatan Tuan Tan
sajaja kehormatan men-
berikan maklumat tentang
ranchangan kilang ayer batu
di-Kuala Trengganu.

Inche Azis berkata: "Dia-
lah yang bertanggung jawab
kerana kehambatan itu.

"Pejabat Perbendaharaan
beredia menimbangkan soal
memberikan wang kepada
syarikat2 kerjasama itu de-
ngan syarat syarikat2 itu
sedia berkongsi dengan sa-
buah syarikat perniagaan da-
lam mendirikan kilang ayer
batu itu.

"Tetapi syarikat perniagaan
itu mempunyai alat2 jentera
yang sudah tua dan tidak sa-
sual untuk tujuan kami men-
dirikan kilang itu.

"Saya terpaksa menolak dan
mengarahkan supaya kita
terus menjalankan terus ran-
changan mendirikan kilang
itu sa-chara bebas dengan
tenaga kita sendiri dan te-
ngan terikat dengan sa-buah
syarikat private.

"Hanya sa-telah saya ber-
tindak tegas maka Pihak Pe-
jabat Perbendaharaan sang-
gup menimbangkan untuk
memberi pinjaman kepada
ranchangan itu.

"Kerana saya tidak lagi ada
dalam Kementerian, saya tidak
tahu apa-kah yang menye-
babkan kelengahan itu sa-

lanjut-nya".

Inche Azis berkata bahawa Tuan Tan juga menudoh Kementerian-nya tidak menggunakan wang \$1,682 juta untuk pasaran getah dan pembahagian baja.

Kata-nya: Syarat yang tidak patut yang diadakan oleh Pejabat Perbendaharaan dan sikap mereka tidak sanggup memahamkan keadaan yang berlaku dalam daerah luar bandar telah menyebabkan Kementerian Pertanian tidak berjaya mendapatkan wang peruntukan itu.

Ta' penting

"Soal-nya bukan-lah meluluskan peruntukan untuk rancangan syarikat kerjasama dari pihak Parlimen atau Kabinet. Ini tidak begitu penting

"Yang sukar sekali ia-lah mendapatkan Menteri Kewangan melepaskan wang yang sudah di-luluskan oleh Parlimen kerana syarikat kerjasama.

"Menurut kebiasaan Pejabat Perbendaharaan, Menteri Kewangan itu-lah yang memutuskan sama ada wang itu boleh di-beri atau tidak".

Mengenai pertentangan Perdana Menteri kepada kilang urea, Inche Azis berkata hal itu tidak dapat di-faham.

Ada beberapa surat document dan angka2 yang disusun oleh pakar2 dalam lapangan itu yang membuktikan bahawa kilang urea itu merupakan satu rancangan yang baik.

Inche Ais berkata: Dalam bulan April 1962, saya menerima kerjasama dari ahli2 ekonomi dan pakar2 antara bangsa yang terkenal.

"Saya menjemput
dari Jabatan Perdana
Menteri dan Kementerian
Perniagaan dan Perusahaan
Raya membincangkan
perkara itu dengan pakar-
pakar tersebut. Tidak ada
seseorang dari Jabatan
Perdana Menteri atau
Kementerian Perniagaan,
undangannya saya itu.

"Perdana Menteri
menyatakan bahawa ra'ayat
menyambut projek itu.

"Siapa-kah yang
kerana hal ini? Kenyataan
nya yang tidak berasas itu
adalah menawarkan hati
untuk menyertai rancangan
itu.

"Namun demikian,
tatan itu masih amat baik.

Zaman baru

"Kalau rancangan itu
jaya, dan tentu akan berjaya,
satu zaman baharu dalam
rancangan mendirikan per-
usahaan2 dalam negeri ini
akan menjelang.

"Dalam zaman ini, waktu
memperluas perusahaan akan
di-selenggarakan sendiri oleh
ra'ayat".

Ketika memberikan kom-
pulan-nya, Inche Aziz berkata
bahawa dalam meneliti
menempatkan kenyataan dan
hal yang sa-benar-nya tentang
persoalan2

bidang yang jelas, atau dalam terang jadi-nya kepada beliau bahawa dasar2 Kerajaan tidak menguntongkan negeri ini, dan ra'ayat luar bandar dan ini-lah juga yang menyebabkan mustahil untuk Inche Aziz kekal dalam Kabinet.



INCHE AZIZ